

22 JUL 1999

Jaguh-Promosi

HARGA PROMOSI MODENAS JAGUH DILANJUTKAN

IPOH, 22 Julai (Bernama) -- Harga promosi motosikal nasional kedua Modenas Jaguh, yang dikeluarkan oleh Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas), serta diskaun 30 peratus ke atas aksesori akan dilanjutkan hingga hujung bulan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos) Nik Danial Nik Mahmood ketika mengumumkan berita baik itu hari ini berkata sebarang tempahan dan pembelian yang dibuat dalam bulan ini melayakkan pembeli untuk mendapatkan Modenas Jaguh 175 cc pada harga istimewa itu yang bernilai RM6,998.

"Tidak ada had yang ditetapkan. Asalkan ia dibeli atau ditempah dalam tempoh promosi, pembeli akan mendapat Jaguh pada harga istimewa ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan cawangan Emos di sini.

Ketika dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin lepas, Modenas mengumumkan 1,000 unit pertama Jaguh ditawarkan harga istimewa itu dan unit berikutnya akan dijual pada harga RM7,500 atas jalan.

Menurut Nik Danial sehingga pukul 6 petang semalam, Modenas menerima 3,800 tempahan untuk motosikal itu termasuk 1,600 tempahan langsung yang dibuat kepada Modenas.

Nik Danial berkata Modenas bersetuju melanjutkan tempoh harga promosi itu berikutan sambutan menggalakkan terhadap mostosikal jenis "cruiser" berkuasa enjin 175 cc itu.

Menurutnya jika sambutan terus menggalakkan kilang Modenas di Gurun akan berusaha menambah pengeluaran Jaguh sehingga 3,000 unit sebulan berbanding rancangan pengeluaran asal di sekitar 2,000 unit sebulan.

Keupayaan kilang Modenas boleh ditingkatkan bagi mengeluarkan sehingga 300 unit Jaguh sehari manakala pengeluaran kedua-dua jenis motosikal termasuk Modenas Kriss 110cc boleh menjangkau sehingga 200,000 unit setahun.

Bagi menampung pertambahan pengeluaran, Modenas bercadang mengimport komponen Jaguh dari Jepun menggunakan perkhidmatan udara berbanding penghantaran melalui kapal sekarang, katanya.

Jaguh menggunakan 55 peratus komponen tempatan manakala Kriss menggunakan sehingga 73 peratus komponen tempatan.

Nik Danial menjangkakan sejumlah 12,000 Jaguh dapat dijual tahun ini dengan nilai pulangan melebihi RM80 juta manakala pulangan Modenas secara keseluruhan tahun ini dijangka menjangkau RM500 juta.

Mengenai rancangan mengeksport Jaguh, beliau berkata tumpuan sekarang adalah bagi memenuhi permintaan tempatan dan akan dieksport terutama ke negara-negara yang mengimport Kriss, apabila pengeluaran ditingkatkan.

Sehingga ini 15,000 Kriss telah dieksport ke 12 negara seperti Brunei, Kemboja, Brunei dan Iran.

"Sri Lanka merupakan negara terbaru yang mengimport Kriss dan kontena pertama yang membawa 74 motosikal itu akan sampai ke negara terbabit hujung bulan ini," katanya.

-- BERNAMA

HJ LAT